

**TEKS UCAPAN**

**YANG BERUSAHA EN. HAMZAH BIN HJ. MOHAMAD  
PENGARAH JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SARAWAK**

**BERSEMPENA DENGAN**

**PROGRAM JELAJAH RAKAN ALAM SEKITAR  
DI BAWAH PROGRAM KOMUNITI PENCEGAHAN & PEMANTAUAN  
KEBAKARAN TANAH GAMBUT SEMPENA SAMBUTAN HARI ALAM  
SEKITAR SEDUNIA TAHUN 2022 PERINGKAT NEGERI SARAWAK**

**TARIKH:**

**26 JUN 2022 (AHAD)**

**TEMPAT:**

**RUMAH UNDI, NANGA BENA SUT, KAPIT**

## **Salutation**

Terima kasih diucapkan kepada pengacara majlis.

1. Yang Berusaha En. Rolyne Anak Terrance Janting  
Pegawai Tadbir mewakili Residen Bahagian Kapit
2. Yang Berusaha  
Pegawai Daerah Kapit
3. Yang Berusaha En. Abdul Aziz Bin Zainal Abidin  
Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran  
Majlis Daerah Kapit
4. Yang Berusaha Tr. Undi Anak Langkau  
Nanga Bena Sut, Kapit
5. Wakil/Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri
6. Tuai Rumah, Tuai Rumah dari kawasan berhampiran
7. Para penduduk Rumah Undi Nanga Bena Sut dan para  
penduduk rumah panjang berhampiran
8. Pengamal media
9. Tuan-tuan dan puan-puan para hadirin yang dihormati sekalian

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan rahmat dan izin-Nya jua pada pagi ini kita dapat mengadakan Program Jelajah Rakan Alam Sekitar Di Bawah Program Komuniti Pencegahan & Pemantauan Kebakaran Tanah Gambut Sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia Tahun 2022 Peringkat Negeri Sarawak di Rumah Undi, Nanga Bena Sut, Kapit pada hari ini.
2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berusaha En. Rolyn Anak Terrance Janting mewakili Residen Bahagian Kapit, kerana kesudian beliau untuk melapangkan masa menghadiri majlis perasmian program kita pada hari ini.
3. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada JKKK Rumah Undi dan semua penduduk di Rumah Undi, Nanga Bena Sut dan rumah-rumah panjang berhampiran di atas kehadiran dan sokongan yang jitu di dalam menjayakan Program Jelajah Rakan Alam Sekitar pada hari ini.

Hadirin sekalian,

**Program Jelajah Rakan Alam Sekitar (RAS)**

4. Program Jelajah Rakan Alam Sekitar (RAS) bertujuan meningkatkan penglibatan masyarakat dalam usaha penjagaan alam sekitar di Negeri Sarawak. Rakan Alam Sekitar melibatkan anggota masyarakat secara `hands-on' iaitu menjadi `mata dan telinga' untuk membantu agensi-agensi Kerajaan yang bertanggungjawab dalam membanteras kegiatan-kegiatan yang merosakkan atau mencemarkan alam sekitar.

5. Objektif-objektif Program Rakan Alam Sekitar adalah seperti berikut: -

- 5.1 Memberi kesedaran alam sekitar di setiap lapisan masyarakat;
- 5.2 Menanam rasa tanggungjawab di kalangan masyarakat untuk bertindak dan mengambil bahagian dalam menjaga alam sekitar yang dikongsi bersama; dan
- 5.3 Menyediakan saluran yang tepat bagi masyarakat membuat aduan atau pandangan mengenai alam sekitar kepada agensi-agensi kerajaan berkenaan.

Hadirin sekalian,

## **Program Komuniti Pencegahan & Pemantauan Kebakaran Tanah Gambut**

6. Melalui program ini juga, Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak ingin memberikan pendedahan kepada komuniti berkaitan larangan pembakaran terbuka serta pelaksanaan SOP dan fasiliti tanah gambut dan pemantauan kebakaran di kawasan tanah gambut, tapak pelulusan sampah dan kawasan lain yang berisiko terbakar semasa musim panas dan kering. Dijangka di sepanjang musim panas dan kering terdapat peningkatan kes pembakaran terbuka disebabkan oleh aktiviti pertanian sara diri penduduk tempatan, di samping pelepasan dari aktiviti perindustrian, aktiviti kerja tanah dan kenderaan bermotor yang juga menyumbang kepada kemerosotan udara.

7. Pembakaran terbuka boleh menyebabkan kemusnahan hutan, kemusnahan habitat haiwan, menjejaskan kesihatan dan seterusnya boleh menyebabkan jerebu dan pemanasan global. Sekiranya pembakaran terbuka dan jerebu berlaku semasa pandemik Covid-19, kedua-duanya boleh meningkatkan risiko bahaya pencemaran udara kepada kesihatan awam. Oleh itu, masyarakat perlu bertindak sebagai penyalur informasi serta bersama-sama menjayakan program yang dijalankan demi kebaikan semua lapisan masyarakat.

Hadirin sekalian,

### **Program Sempena Hari Alam Sekitar Sedunia 2022**

8. Antara aktiviti utama lain yang telah dan akan dijalankan sempena sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia adalah:

8.1 Kempen Pengumpulan Buangan Elektrikal Dan Elektronik (BEE) yang mensasarkan komuniti setempat di mana orang ramai digalakkan mengumpul dan menyerahkan BEE kepada syarikat yang telah dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak untuk diproses dengan baik tanpa mencemarkan alam sekitar. Kempen Pengumpulan BEE yang telah diadakan pada:

- i. 18 Jun 2022 di Bahagian Kuching (Kawasan Parkir Berhampiran Ninso, Batu Kawa);
- ii. 25 Jun 2022 di Bahagian Kapit (Perkarangan Pejabat Majlis Daerah Kapit); dan
- iii. 26 Jun 2022 di Bahagian Kanowit (Dataran Kubu Emma berdekatan Pejabat Majlis Daerah Kanowit).

8.2 Majlis Pelancaran Program Denai Sungai Kebangsaan (DSK) yang bertujuan mencegah pencemaran melalui pendekatan kawalan di punca penyelesaian secara *nature-based* telah diadakan pada 18 Jun 2022 bertempat di Kampung Stabut, Serian;

8.3 Program Ujicuba Dan Latih Amal Prosedur Tetap Operasi (SOP) Melaksanakan Program Mencegah Kebakaran Tanah Gambut Untuk Mengatasi Jerebu yang akan diadakan pada 28 – 29 Jun 2022 di Bahagian Mukah; dan

- 8.4 Seminar Pematuhan Kilang Kelapa Sawit Terhadap Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 kepada pihak industri yang akan diadakan pada 21 Julai 2022 di Bahagian Kuching.

## **PENUTUP**

9. Akhir kata, saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Yang Berusaha Rolyne Anak Terrance Janting mewakili Residen Bahagian Kapit di atas kesudian tuan untuk hadir merasmikan majlis pelancaran program pada hari ini. Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada agensi/jabatan kerajaan persekutuan dan negeri, penduduk Rumah Undi, Nanga Bena Sut, pihak media dan semua pihak yang melapangkan masa untuk hadir pada hari ini.

Sekian, Terima kasih.